

Soalan 8 : Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Err, ya betul! Kami simpan kod program dalam CD. Gambar rajah seperti seni bina sistem ada di dalam server. Nanti saya tunjukkan," kata Alia sambil menekan punat putih di meja Farisha dan dinding putih di tepi set sofa tiba-tiba menjadi terang.

"Oh, kita boleh pancarkan display ke situ? soal Farisha agak kagum.

"Ya, ini dinding dwifungsi! Dinding ini boleh digunakan sebagai *touch screen*. Saya akan tunjukkan beberapa fail di sini," jawab Alia lalu bangun menuju ke dinding. Dia menyentuh beberapa ikon dan gambar rajah seni bina yang pertama terpapar. Farisha melopong mendengar pembentangan Alia. Dia begitu lancar, tenang dan betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan. Kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip. Farisha berasa kagum berselang-seli dan kehairanan kerana sejak tadi dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
Karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan sebab-sebab Farisha melopong mendengar pembentangan Alia.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (c) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (d) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (e) Tirani karya Bebi Sabariah
- (f) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup.

[6 markah]

Soalan 8 : Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Farisha memejamkan mata lalu cuba duduk bersandar dengan selesa. Alia mula memicit-micit bahunya, kemudian tengkuk dan selepas itu beralih pula ke kepala. Rasa mengantuk mula menguasai Farisha. Sedikit demi sedikit persekitaran dirasakan semakin sunyi, dia cuma mendengar bunyi nafasnya sendiri. Jari-jemari ajaib Alia telah berjaya membawanya ke alam lena.

Apabila Farisha terlelap, dua jarum mudah lentur keluar daripada kepala kerusi dan mula mencucuk kiri dan kanan tengkuknya. Dia tidak sedar apa yang sedang berlaku. Tetapi beberapa saat kemudian terdengar ada suara memanggil-manggilnya.

"Saya!" Farisha menjawab dan kini dia dalam keadaan bawah sedar.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan perkara yang berlaku setelah Farisha terlelap?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaimi Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairudin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang boleh memberi pedoman kepada pembaca.

[6 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Lama Raidah termenung di tubir katilnya memikirkan, mengenangkan peristiwa yang dirasakan sebagai mimpi. Terasa baru semalam perkahwinan Waheeda dengan Zahid. Bagaikan perkahwinan tuan puteri meriahnya; Puteri Cinderella dan Putera Charming, *marriage of the year* menurut mat salih pelanggan Tajau Emas yang turut hadir.

Kini, menantu semakin menjauhkan diri. Sirna kemesraan. Dua tahun lalu tidak pernah terlintas di dalam kepalanya bahawa dia bakal menjadi besan ahli korporat yang sangat berpengaruh di Bandar Raya Kuching. Dengan bermenentukan seorang peguam yang bijak bercakap merangkap pengurus kewangan syarikat abahnya seakan-akan melengkapkan kehidupan anak gadis kesayangan. Namun betullah, manusia tidak tahu apa-apa yang akan terjadi esok, fikirnya. Tidak semua dirancang berlaku seperti yang dirangka. Manusia boleh merancang, namun Allah yang menentukan.

Dipetik daripada

Novel *Tirani*,

karya Beb Sabariah

Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang tidak pernah terlintas di fikiran Raidah mengenai bakal menantunya. [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- Pantai kasih karya Azman Nordin
- Di sebalik Dinara karya Dayang Nor
- Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- Tirani karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang pelajari, huraikan dua peristiwa yang dapat anda jadikan panduan dalam hidup.

[6 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Gajah mati meninggalkan tulang. Harimau mati meninggalkan belang. Pahlawan-pahlawan Melayu yang terbilang itu pergi meninggalkan nama yang baik. Jasa dan pengorbanan mereka dikenang sepanjang zaman," kata Pak Saidi. "Orang Negeri Sembilan bangga dengan pahlawan mereka, Datuk Siamang Gagap yang menentang orang putih di Seri Menanti. Orang Pahang bangga dengan perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau. Orang Kelantan bangga dengan semangat Tok Janggut. Orang Naning bangga dengan Dol Said. Orang Sarawak bangga dengan Rentap. Orang Johor bangga dengan Si Bongkok Tanjung Puteri. Malah banyak lagi pahlawan terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi tanah air tercinta. Jasa mereka masih dikenang sampai sekarang. Oleh itu, abang mahu anak-anak kita juga berjasa kepada bangsa, agama, dan tanah air," katanya lagi.

"Buatlah apa-apa yang abang fikirkan baik untuk anak-anak kita. Cuma pada pendapat saya, di samping mengajar ilmu silat, anak-anak juga mesti diberi ilmu pengetahuan supaya jadi orang pandai."

Dipetik daripada
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
karya Abdul Latip b Talib
Kementerian Pendidikan Malaysia

Siapakah pahlawan-pahlawan Melayu terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi negara tercinta?

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- b) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.

[6 markah]

Soalan 8 – Petikan Novel

(i) Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kini, Raiha hanya mampu mengeluh resah di kondominium mewahnya itu. Agak lama dia terseret dalam menungannya. Dia memikirkan kepentingan para pesakit yang datang dengan harapan yang tinggi menggunung di pusat rawatan itu. Tentang sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. Tentang layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari. Kemudian, tentang beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada keluarga para pesakit yang terdiri daripada golongan masyarakat kelas menengah bawah itu. Aduan dan rungutan yang kerap menusuk jiwanya, belakangan ini.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin, Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang difikirkan oleh Raiha sehingga dia mengeluh resah di kondominium mewahnya itu.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani, karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, terdapat unsur saspens yang membuatkan pembaca berdebar. Jelaskan dua sebab pembaca berasa saspens.

[6 markah]

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Akan tetapi, nenek berkata dengan mulutnya yang bising, adalah tidak selamat untuk aku berjumpa dengan mana-mana manusia kampung ini, tidak buat masa ini. Kata nenek perkara yang patut aku lakukan; menyiram pokok bunga atau menyudahkan kerja-kerja di bangsal di belakang rumah yakni memindahkan susunan kayu api yang pada mata nenek telah salah disusun oleh Abang Rashid atau duduk di pangkin kayu menikmati pagi yang indah; melihat burung-burung terbang, ayam-ayam memagut cacing, kucing-kucing berkejaran atau membantu nenek dengan cara memerhatikannya.

Akan tetapi, aku ingin keluar.

“Nek, ada dua jenis manusia. Pertama, yang duduk di rumah dan hidup dengan dirinya sendiri dan kedua yang hidup dengan manusia lain supaya dia tak menjadi gila kerana bercakap seorang diri.”

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*,
karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan tindakan-tindakan yang patut aku lakukan seperti yang disuruh oleh nenek.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari, karya Sri Rohayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan sikap keprihatinan masyarakat dalam novel-novel tersebut.

[6 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Apabila terdengar bunyi kenderaan semakin hampir dengan rumah, Nurul Hafsa segera meninggalkan pembacaannya tentang *Skala Langit Gelap Bortle*. Dia mengintai dari celah tingkap. Dia sangkakan abangnya akan menaiki teksi untuk pulang setelah tiga hari berkhemah di Taman Rimba Templer. Namun, dilihatnya Budiman keluar dari perut pacuan empat roda jenis hibrid jenama Proton Pria berwarna putih yang menjadi idamannya.

Semenjak mula bekerja lagi Nurul Hafsa ada mengimpikan untuk menjadi pemilik sebuah kereta hibrid. Kereta yang berenjin petrol dan bermotor elektrik itu mengurangkan kebergantungan terhadap minyak petrol. Enjin yang bersaiz kecil mengurangkan kehilangan tenaga dalaman dan mengurangkan berat keseluruhan kereta. Bentuk kereta yang aerodinamik juga mengurangkan beban enjin dan hasilnya ialah penjimatan tenaga. "Ah, suatu hari nanti, suatu hari nanti!" kata Nurul Hafsa senyap-senyap.

Dipetik daripada novel *Bimasakti Menari*
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berikan alasan-alasan Nurul Hafsa memilih kereta pacuan empat roda jenis hibrid berjenama Proton Pria menjadi idamannya.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:
- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
 - (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
 - (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (f) Tirani karya Beb Sabariah
 - (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang mampu memberikan teladan kepada para pembaca.

[6 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pisang juga dapat memulihkan beberapa penyakit jika amalan pengambilannya dilakukan selalu. Antaranya zat besi yang ada dalam buah pisang boleh menstimulasikan hemoglobin dalam darah dan mengurangkan anemia. Bagi mereka yang mengalami tekanan darah tinggi digalakkan makan buah pisang kerana kandungan potasiumnya yang tinggi. Satu kajian dibuat terhadap 200 orang murid sekolah di Britain yang bakal menduduki peperiksaan diberi makan pisang waktu sarapan pagi, makan tengah hari, dan malam. Didapati mereka berjaya kerana pisang baik untuk rangsangan otak. Triptopon, sejenis vitamin yang terkandung dalam pisang juga dikatakan dapat membuat si pemakannya berasa tenang.

Selain itu, kulit pisang juga dapat menyembuhkan bintat atau rasa gatal akibat gigitan nyamuk dengan menyapu bahagian kulit pada bahagian yang digigit.

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*
karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Jelaskan manfaat pisang yang dapat diperolehi seseorang apabila memakan pisang.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.

[6 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sepi. Dahlia memandang simen yang bersih tetapi simen yang dilihatnya sudah berbalam di mata.

"Saya percaya, tentu masalah yang dihadapi oleh Dahlia begitu besar. Jika tidak, masakan hari Selasa dan Rabu Dahlia tidak hadir ke sekolah. Jika ada masalah yang maha berat, katakanlah. Dahlia punya potensi untuk mendapat kejayaan cemerlang dalam STPM. Saya sudah berangan-angan, daripada murid di kelas kita, ramai yang akan lulus dengan cemerlang. Hanya itulah hadiah yang besar sebagai seorang guru."

Kata-kata Dahlia menjadi tersangkut di kerongkong. Dia tidak mahu menangis. Dia perlu kuat. Selasa dia tidak ke sekolah kerana adiknya sakit. Ditambah lagi dirinya lemah kerana meredah arus sungai untuk menyelamatkan Said. Manakala, dia semalam menghantar Anggerik ke klinik untuk kali kedua. Waktu sudah ditetapkan oleh doktor, masakan boleh mengubahnya.

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan sebab-sebab Dahlia tidak hadir ke sekolah pada hari Selasa dan Rabu.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menggambarkan cabaran yang dialami oleh watak dalam karya tersebut.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikut dengan menggunakan ayat sendiri.

Nordin bingkas bangun. Adnan segera membuka pencak silatnya bagi mempertahankan diri kerana menyangka Nordin mahu menyerangnya.

"Sekarang baru bertemu buku dengan ruas. Apa tunggu lagi? Lawanlah," cabar Mamat.

Nordin memandang ke arah kawan-kawannya seolah-olah meminta bantuan. Tetapi masing-masing buat muka selamba sahaja. Tidak ada yang berani masuk campur.

"Aku tahu kau pandai bersilat. Tapi aku tak takut!" bentak Nordin.

Dengan pantas dia meluru ke arah Adnan lalu melepaskan beberapa tumbukan tetapi dapat ditepis oleh Adnan sehingga tidak satu pun yang mengena sasaran. Nordin bertambah berang. Dia mengumpul kekuatan lalu menerkam ke arah Adnan. Dengan pantas Adnan mengelak. Nordin terbabas lalu terjatuh ke dalam parit. Kawan-kawannya segera mendapatkan Nordin.

"Sudahlah Nordin. Adnan itu bukan lawan kau!" kata Lepat.

Dipetik daripada
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
karya Abdul Latip bin Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nordin menjadikan Adnan sebagai musuh ketatnya. Apakah tindakan Nordin untuk melepaskan geram kepada Adnan? [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

(a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip bin Talib

(b) *Tirani* karya Beb Sabariah

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua peristiwa yang dapat memberikan inspirasi kepada anda. [6 markah]

- 8 (i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Taufik!" Budiman melaung cemas dan merangkul rakannya itu. Muhammad Taufik bergerak sedikit dan membuka mata.

"Budiman. Kau datang juga," Muhammad Taufik berkata perlahan. Budiman mengetap bibirnya. Nurul Hafsa segera menelefon ambulans dan menanggalkan baju sejuk yang dipakainya. Baju sejuk itu digunakan Budiman untuk menekan luka Muhammad Taufik.

"Siapa buat engkau begini?"

"Tak tahu. Tiga orang, uh" ucap Muhammad Taufik dengan sukar.

"Sabarlah, Taufik. Tak teruk sangat ni," Budiman memberi kata-kata semangat seperti dia berkata kepada anak muridnya yang mengalami kecederaan ketika mereka bermain futsal, padahal wajah Budiman sendiri pucat lesi melihat kecederaan yang dialami sahabatnya itu.

Dipetik daripada
novel *Bimasakti Menari*
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah tindakan-tindakan Nurul Hafsa dan Budiman apabila menemui Muhammad Taufik?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- Jendela Menghadap Jalan karya Rohani Matdarin
- Tirani karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- Silir Daksina karya Nizar Parman
- Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang menunjukkan sikap keberanian dalam kehidupan.

[6 markah]

- 8 (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Berapa lama Haiqal di sini?"

"Err...tak pasti lagi, pak cik. Mungkin sehingga keputusan STPM diumumkan. Saya ni hendak berehat-rehat di sini. Tukar angin, jawab Haiqal. "Baguslah kalau begitu, Haiqal. Kampung ini kampung Haiqal juga. Pak cik harap Haiqal akan berasa selesa tinggal di sini. Lagipun banyak perkara yang akan Haiqal uruskan di sini. Segalagalanya akan pak cik serahkan kembali kepada Haiqal," ujar Tauke Ong.

"Apa perkaranya, pak cik?"

Selama ini pak ciklah yang diamanahkan oleh arwah ayah kamu mengerjakan semua tanahnya di baruh dan di belakang rumah yang telah ditanami pokok kelapa sawit. Cuma tanah yang pak cik duduki sekarang sahaja yang masih kekal dengan pokok-pokok getah. Pak cik juga usahakan tanaman getah ini. Semua ni hak kamu. Nanti pak cik serahkan buku bank yang dibuka oleh arwah ayah Haiqal atas nama kamu,"

Tidak diduga sama sekali, rupa-rupanya arwah ayahnya ada meninggalkan sesuatu untuknya. Betapa seharusnya dia mengucapkan terima kasih kepada Tauke Ong yang telah menjaga amanahnya.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,

Karya Nizar Parman

Novel Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang diamanahkan oleh arwah ayah Haiqal kepada Tauke Ong?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan situasi berani.

[6 markah]

- 8 (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Kamu cuba mengatakan kaedah rawatan tradisional telah gagal merawat penyakit ayah kamu?"

"Tidak sama sekali, pak cik dengar dulu, saya tak bermaksud begitu," nada suaranya menggambarkan dia cuba untuk bersopan-santun dan merendahkan hati.

Kemudian dia memberitahu kami tentang sains asas. "Tubuh kita terdiri daripada 60 trilion sel yang membentuk asas kehidupan. Setiap bahagian tubuh perlulah benar-benar sihat supaya tubuh dapat berfungsi pada tahap optimum. Akan tetapi dengan dunia hari ini yang kian tercemar, pencemaran udara, pencemaran air, tekanan harian, kurang bersenam, gaya hidup tidak sihat dan diet yang tak menentu, kita terdedah kepada penyakit, pak cik."

Datuk kelihatan benar-benar bingung. "Kaki ayah kamu semakin sembuh dan tak bengkok lagi, dia tak patut berhenti separuh jalan."

"Benar pak cik, dan kami sangat berterima kasih kepada pak cik kerana telah sejauh ini membantu merawat penyakit ayah kami."

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*,

Karya Ruhaini Mat Darin

Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang menyebabkan seseorang terdedah kepada penyakit?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang menyentuh perasaan anda.

[6 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mereka berjalan melalui satu lorong yang agak sempit. Di kanannya dinding konkrit, manakala di sebelah kiri pula ialah dinding kaca lut sinar yang membolehkan Farisha melihat deretan ruang kerja beberapa puluh orang pekerja Soft Lab yang sedang tekun dengan tugas masing-masing.

“Di sebelah kiri ini ialah jabatan pembangunan perisian,” terang Aqram apabila dia melihat Farisha meninjau-ninjau.

“Wow, ramai juga ya!” kata Farisha, kagum.

Mereka berdua tiba di hadapan sebuah pintu kecil yang memerlukan imbasan retina dan juga jari. Pintu itu tidak diletakkan sebarang tanda.

“Kita akan memasuki pusat dua dari pintu belakang,” kata Aqram apabila dia terlihat wajah Farisha seperti sedikit keliru.

“Oh, maafkan saya! Saya ingatkan pintu tandas tadi. Hairan pula sebab ada pengimbas diletakkan di sini, balas Farisha yang hampir tertawa apabila memikirkan kebodohnya.

Dipetik daripada
novel *Di Sebalik Dinara*
karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan keadaan Soft Lab.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Nor
- c. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- d. *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- e. *Songket Bebenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- f. *Tirani*, karya Beb Sabariah
- g. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- h. *Bimasakti Menari*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan perasaan kasih sayang

[6 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pemuda itu menerangkan sistem perkumuhan ayahnya yang tidak sihat. Organ utama dalam sistem ini terdiri daripada paru-paru, kulit, buah pinggang, dan kolon atau usus. Dia menerangkan usus ayahnya kotor.

"Kolon atau usus ialah rumah penyakit," ujar pemuda itu. "Jika dalam seminggu kita tak buang air besar sekurang-kurangnya empat atau lima kali, itu bermakna kita mendapat penyakit sembelit. Sembelit ini pak cik sungguh berbahaya kerana jika kita tak buang air besar, toksin dalam tubuh kita akan membebaskan bakteria jahat dan bakteria jahat ini akan memakan bakteria baik yang kita perlukan untuk sistem keimunan tubuh kita, supaya kita tak mudah sakit apabila kena hujan atau panas matahari berlebihan."

Datuk tentu bingung tetapi aku boleh memahami apa-apa yang dikatanya, sedikit.

Dipetik daripada
novel *Jendela Menghadap Jalan*
karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan petikan di atas, mengapakah pemuda itu menyatakan bahawa "kolon atau usus dikatakan rumah penyakit?"

[4 markah]

- (i) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani, karya Beb Sabariah
- g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menggambarkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara.

[6 markah]